



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Websites:
www.consumer.org.my

Kenyataan Akhbar

14 Disember 2019

CAP Bantah Perjanjian Baharu PDP Dengan Konsortium SRS

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk tidak menandatangani Perjanjian Rakan Penyampai Projek (PDP) baharu dengan Konsortium SRS untuk Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) memandangkan PTMP masih diperdebatkan dan dikritik oleh pertubuhan masyarakat sivil (CSO) disebabkan oleh kesan sampingannya ke atas alam sekitar dan sosio ekonomi.

Konsortium SRS merupakan usahasama 60:20:20 antara Gamuda, Loh Phoy Yen Holdings Sdn. Bhd. dan Ideal Property Development Sdn. Bhd. Dilaporkan oleh media bahawa Konsortium SRS pertama kali menandatangani perjanjian PDP dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 2015, peranannya sebagai PDP ialah untuk membantu kerajaan negeri bagi melaksanakan PTMP. Projek Tambak Laut Selatan Pulau Pinang dikemukakan oleh SRS untuk mewujudkan bank tanah bagi membiayai PTMP yang menelan kos berbilion ringgit.

Dalam beberapa tahun lepas, kerajaan negeri telah mengembangkan skop projek PTMP dan oleh itu dalam merasmikan pelan terbaharu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu menandatangani perjanjian baharu dengan Konsortium SRS. Minggu lepas, Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda, Datuk Lin Yun Ling berkata bahawa sebaik sahaja perjanjian PDP baharu ditandatangani, kerja reka bentuk boleh dimulakan. “Transit Aliran Ringan (LRT), Pulau A, Pan Island Link dan kerja tebus guna bagi Selatan Pulau Pinang akan dijalankan,” katanya.

Penang Forum dan beberapa ahli akademik menjelaskan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa pilihan yang lebih berdaya maju, baik dan murah bagi PTMP boleh didapati. Pilihan ini tidak memerlukan pembinaan jalan baharu atau LRT.

Alternatif PTMP yang dicadangkan oleh CSO menggabungkan rangkaian ART (autonomous rail rapid transit) yang lebih baik dan BRT (bus rapid transit) yang disokong oleh sistem bantuan (feeder systems) bagi menangani hubungan pertama dan terakhir. CAP menulis kepada Ketua Menteri agar mempertimbangkan dengan serius pilihan ini. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih belum memberikan maklum balas kepada kenapa mereka memilih yang lebih mahal, pilihan yang berpotensi memusnahkan di mana pilihan yang lebih murah, baik dan cepat untuk melaksanakan alternatif yang ada.

Pihak Kerajaan Negeri tidak mempertimbangkan pandangan awam, komuniti nelayan dan CSO yang membantah Projek Tambak Laut Selatan Pulau Pinang (PSR). Kami juga telah menyuarakan bantahan ketika pendengaran awam berhubung draf Pelan Struktur Pulau Pinang (RSNPP) 2030 yang termasuk Projek Pulau Selatan Pulau Pinang, projek tebus guna lain dan lebuh raya baharu.

Amat mengecewakan apabila CAP dan banyak kumpulan lain yang membuat bantahan tetapi tidak diambil kira dan Kerajaan Negeri terusewartakan RSNPP 2030 pada 24 Oktober 2019. Kerajaan

juga perlu mempertimbangkan kes yang difailkan untuk menghadapi laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling PSR-Rev 2.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang seharusnya melaksanakan penjimatan dengan menyemak semula projek PTMP untuk mengurangkan kos dan mempertimbangkan alternatif, di samping membatalkan semua cadangan projek tebus guna, mewah dan mega. Janganlah mengabaikan alam sekitar Pulau Pinang dan penduduk dalam mengejar cadangan pembangunan oleh pemaju yang hanya mengejar keuntungan.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang